

Banjir kilat di Johor Bahru 5/4/06



BEBERAPA pemilik motosikal terpaksa mengharungi air untuk menyelamatkan kenderaan mereka dalam banjir kilat di Johor Bahru, semalam.

HAMPIR TENGGELAM ...

Hujan lebat selama dua jam di Bandaraya Johor Bahru petang semalam menyebabkan beberapa jalan utama ditenggelami air akibat banjir kilat.

Jalan Ayer Molek yang menempatkan

pelbagai pejabat agensi kerajaan paling teruk terjejas apabila dinaiki air sedalam satu meter.

Ia menyebabkan lebih 50 motosikal dan 40 kereta yang diletakkan di pekarangan Wisma Persekutuan di jalan tersebut ditenggelami air.

Hujan lebat yang disertai air pasang besar turut mengakibatkan beberapa kawasan rendah lain di pusat bandar Johor itu turut dinaiki air.

Ekoran itu, semua jalan utama di pusat bandar mengalami kesesakan teruk.



ORANG ramai terpaksa mengharungi air untuk berurusan di pejabat kerajaan berikutan banjir kilat di Jalan Ayer Molek, Johor Bahru, semalam.



DERETAN kereta yang ditenggelami air dalam banjir kilat di Johor Bahru, semalam.